

# Ekspor produk getah catat rekod tertinggi RM71 bilion

Sarung tangan bantu industri catat kenaikan 46.3 peratus tahun lalu

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Ekspor** getah dan produk getah Malaysia kekal kukuh dengan mencapai rekod tertinggi berjumlah RM71 bilion pada 2021, meningkat 46.3 peratus berbanding RM48.5 bilion pada 2020, kata Majlis Getah Malaysia (MRC).

Ia berkata, pada tahun lalu, barangan lateks menyumbang 91.8 peratus kepada jumlah eksport produk getah dengan sarung tangan getah kekal sebagai peneraju, menyumbang 88.9 peratus kepada jumlah eksport sebanyak RM54.8 bilion, peningkatan 55.4 peratus berbanding RM35.3 bilion pada tahun sebelumnya.

Ini kemudian diikuti barangan getah perindustrian (IRG), meningkat 40.7 peratus kepada RM1.3 bilion berbanding RM900 juta tahun sebelumnya, menurut MRC dalam satu kenyataan.

Katanya, eksport tayar menunjukkan peningkatan 30.7 peratus kepada RM1.7 bilion pada 2021 berbanding RM1.3 bilion pada 2020, manakala kasut dan barangan getah am masing-masing mencatat peningkatan 19.6 dan 13 peratus.



Sarung tangan getah antara penyumbang utama kepada eksport produk getah. (Foto hiasan)

"Produk lateks bukan sarung tangan lain menunjukkan pertumbuhan lebih rendah pada 7.3 peratus berikutan pengembangan kukuh dalam benang lateks (47.4 peratus) diimbangi oleh penguncupan dalam kateter, kondom dan produk buih," katanya. MRC berkata, Ame-



Nor Hizwan Ahmad

rika Syarikat (AS), Eropah dan Jepun menguasai pasaran penggunaan produk getah, menyumbang kira-kira 50 peratus dengan tahun lalu, AS mengimport produk getah Malaysia bernilai RM22.8 bilion, meningkat 76.5 peratus.

Katanya, import Jerman pula RM3.79

bilion (57.9 peratus), Jepun RM3.2 bilion (40.5 peratus), Belanda RM1.76 bilion (57 peratus) dan Itali RM1.2 bilion (42.2 peratus) berbanding 2020.

"Negara utama lain seperti Kanada, menunjukkan peningkatan 70.1 peratus dan Brazil 52.8 peratus," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif MRC, Nor Hizwan Ahmad, berkata pihaknya akan meninjau pasaran baharu di negara seperti India, Afrika dan Amerika Latin sebagai tambahan kepada AS dan Eropah, memandangkan populasi lebih besar serta prospek komersial yang cerah.

Beliau berkata, MRC juga sedang mengkaji usaha niaga baharu berdasarkan permintaan pasaran.

Katanya, MRC akan memacu pengembangan pasaran melalui promosi global dan domestik, pengkomersialan dan pelaburan, pembinaan kapasiti serta pembangunan bakat.

"Antara aktiviti yang digariskan untuk meningkatkan keterlihatan produk getah Malaysia pada peringkat global, termasuk penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa, lawatan kerja, padanan perniagaan, seminar antarabangsa, misi kementerian serta persidangan.

"Penyertaan terkini adalah Pameran Kesihatan Arab yang diadakan dari 24 hingga 27 Januari lalu di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE), apabila MRC berjaya memudahkan 98 padanan perniagaan melalui bakal pembeli dengan jumlah jualan RM110.5 juta," katanya.